# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## PENGENALAN

### Sejarah

Universiti Putra Malaysia (UPM) telah ditubuhkan pada tahun 1971 (dahulunya sebagai Universiti Pertanian Malaysia), melalui penggabungan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya dengan Kolej Pertanian Malaya Serdang. Bermula dengan tiga buah fakulti iaitu Pertanian, Perhutanan dan Perubatan Veterinar dan terus kekal sebagai sebuah universiti tradisional yang memberikan tumpuan terutama kepada pendidikan ijazah pertama, penyelidikan dalam bidang pertanian serta bidang- bidang lain yang berkaitan. Bagaimanapun, pada awal tahun 80-an, UPM telah memperluas bidang pengajiannya dengan memasukkan bidang Sains dan Teknologi (S&T).

Pada tahun 1994, UPM memulakan satu rancangan untuk membina Universiti Masa Hadapan yang menyediakan sistem pendidikan yang lebih baik dan terkini dalam pendidikan sains dan teknologi. Selaras dengan itu, UPM telah berkembang dengan pesatnya menjadi sebuah kampus tanpa sempadan dan melampaui sempadan kebangsaan. Kemuncak dari itu ialah penukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Penukaran nama ini merupakan satu langkah strategik yang meletakkan kedudukan UPM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi awam yang berupaya menawarkan pelbagai program pengajian. Sehingga ini UPM menawarkan 52 program pengajian untuk menghadapi alaf dan pembangunan masa hadapan negara.

### Pembangunan

Pada masa ini Universiti Putra Malaysia mempunyai dua (2) buah kampus iaitu Kampus Induk di Serdang, Kampus Cawangan di Bintulu, Sarawak (UPMKB) serta sebuah Pusat Pengajian Oseanografi dan Marikultur di Port Dickson, Negeri Sembilan. Kedua-dua kampus ini ditadbirkan di bawah satu sistem, begitu dengan pengendalian program akademiknya. Setakat ini Universiti Putra Malaysia mempunyai 16 Fakulti, 6 Pusat dan 8 Institut.

Kampus Induk UPM terletak di Serdang, Selangor, kira-kira 23km ke Selatan Bandaraya Kuala Lumpur dan bersebelahan dengan Pusat Pentadbiran Kerajaan, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ia merupakan salah satu daripada unit terbesar di Kompleks Pertanian Serdang. Unit-unit lain yang terdapat di dalam kompleks ini termasuklah MARDI, Pusat Penyelidikan Pertanian, Pusat Kajiteknik Makanan dan Institut Pertanian.

Kampus Serdang mempunyai keluasan 1,214 hektar. Lebih kurang 121 hektar daripadanya digunakan untuk bangunan pentadbiran, dewan-dewan kuliah, bangunan asrama, perumahan pegawai, padang-padang permainan dan lain-lain, sementara bakinya adalah kawasan Taman Pertanian Universiti.

Pembukaan semula Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu telah memberi peluang yang lebih luas terhadap pendidikan tinggi di negara ini. Usaha murni ini bukan sahaja dapat membuka ruang kepada rakyat Malaysia untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan memperluas peluang mereka untuk mendapat pendidikan tinggi, malah pasti akan memberi aspirasi baru terhadap pembangunan pendidikan di negara ini.

**Wawasan**

Wawasan Universiti Putra Malaysia ialah untuk menjadi Universiti bertaraf dunia, iaitu sebuah komuniti cendekiawan dan intelek bereputasi antarabangsa yang menjadi kebanggaan negara kerana sumbangannya dalam penulisan kesarjanaan dan penemuan yang sentiasa memberi pengertian baru kepada kemajuan, perkembangan dan pembangunan negara dan dunia

**Misi**

"Untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang unggul, yang memberi sumbangan bukan sahaja terhadap kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara".

**Matlamat**

UPM telah menetapkan lapan (8) matlamat untuk merealisasikan wawasannya. Setiap matlamat berikut mempunyai objektif khusus, iaitu dalam bentuk yang boleh diukur pencapaiannya. Pencapaian setiap pbjektif pula bergantung kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan masing-masing. Lapan matlamat tersebut adalah seperti berikut :-

(a) Melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing, dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan;

(b) Menjadikan UPM, Universiti yang terkemuka dalam bidang penyelidikan;

(c) Meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa;

(d) Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan;

(e) Membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang;

(f) Membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-Universiti;

(g) Menjana dan mengurus sumber kewangan Universiti secara cekap dan berkesan; dan

(h) Meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Perkhidmatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan.

Keterangan Lanjut

Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai Universiti Putra Malaysia (UPM) sila hubungi :-

**Pendaftar**
**Bahagian Akademik**
**Universiti Putra Malaysia**
**43400 UPM SERDANG**
**Selangor Darul Ehsan**

Tel : 03 – 8946 6000
03 – 8946 6059
03 – 8946 6060

Fax : 03 – 8942 6469
e-mail : pengambilan@putra.upm.edu.my
Laman web : www.akademik.upm.edu.my

PROGRAM YANG DITAWARKAN BAGI SEMESTER
KEDUA 2006-2007

A. PROGRAM BACELOR

1. Bacelor Senibina PH00 UPM Kampus Serdang

## SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

## A. PROGRAM BACELOR

| Bi l | i. Program Pengajian<br>ii. Kod<br>iii. Tempoh Pengajian | Syarat Minimum |
|---|---|---|
| **1.** | Bacelor Seni Bina<br><br>PH00<br><br>(4 Semester)<br><br><u>Penempatan</u><br><br>Kampus<br>Induk<br>Serdang | Kelayakan Minimum Calon<br><br>Calon hendaklah mempunyai kelulusan:-<br><br>Ijazah Bacelor Rekabentuk (Seni Bina) daripada Universiti Putra Malaysia atau Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina/Ijazah Sarjana Muda Sastera Seni Bina yang setaraf dengan kelulusan akrediatasi Lembaga Arkitek Malaysia (LAM Bhg. 1) daripada universiti tempatan atau luar negara dengan PNGK minimum 2.75 yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan Senat Universiti Putra Malaysia.<br><br>1. Lulus subjek Studio Seni Bina dengan purata sekurang-kurangnya gred B, dan<br><br>2. Lulus temuduga<br><br>Atau<br><br>Calon yang mempunyai PNGK kurang daripada 2.75 hendaklah :-<br><br>1. Sekurang-kurangnya lulus subjek Studio Seni Bina;<br><br>2. Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang seni bina; dan<br><br>3. Lulus temuduga |

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN MASUK
PROGRAM DIPLOMA DAN BACELOR SEMESTER KEDUA SESI 2005-2006

Borang ini mengandungi 6 bahagian seperti berikut:-

(A) PILIHAN PROGRAM
(B) MAKLUMAT PERIBADI
(C) KELAYAKAN AKADEMIK
(D) PENGALAMAN KERJA
(E) MAKLUMAT AKTIVITI KO-KURIKULUM
(F) PERAKUAN
(G) PENGESAHAN

Calon-calon juga diminta untuk mengisi ruangan 22 hingga 26 di halaman 2 borang tersebut.

PERINGATAN

(i) Baca arahan dan contoh yang diberi dengan teliti terlebih dahulu sebelum anda mengisi borang permohonan
(ii) Sekiranya borang tersebut tidak diisi dengan betul atau berlaku sebarang kerosakan pada borang permohonan maka permohonan anda tidak akan dipertimbangkan.
(iii) Gunakan "ball point" dakwat biru atau hitam bagi mengisi borang permohonan
(iv) Hanya satu permohonan sahaja yang akan dipertimbangkan.

## A. PILIHAN PROGRAM

Anda adalah dikehendaki membuat pilihan dan memastikan dengan tepat program yang hendak dipilih mengikut MINAT DAN KESESUAIAN KELAYAKAN AKADEMIK YANG ANDA MILIKI.

1. Program Yang Dipohon (Bacelor/Diploma)

Sila nyatakan pilihan program anda bacelor atau diploma di petak yang disediakan daripada senarai program yang ditawarkan. (satu pilihan program sahaja)

Contoh : Jika anda membuat pilihan seperti berikut:-

Baccelor Seni Bina PH00

## B. MAKLUMAT PERIBADI

2. No. Kad Pengenalan

Contoh : Isikan No. Kad Pengenalan anda mulai petak sebelah kiri.

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | 9 | 0 | 1 | 2 | 1 | - | 0 | 3 | - | 5 | 6 | 8 | 8 |

3. Nama Penuh

Isikan nama anda mengikut seperti dalam Kad Pengenalan dengan HURUF BESAR dalam petak-petak yang disediakan. Gunakan satu petak bagi setiap huruf dan kosongkan satu petak di antara dua perkataan.

Contoh : Jika nama anda ialah AHMAD HISHAM BIN MD. DAUD

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| A | H | M | A | D | | H | I | S | H | A | M | | B | I | N | | M | D | . | D | A | U | D |

Jika petak-petak yang disediakan tidak mencukupi, pendekkan ejaan nama anda supaya muat dalam petak yang dikhaskan tetapi singkatan yang digunakan mestilah mudah difahami seperti berikut:-

Contoh : Jika nama anda ialah : SYED MUHAMMAD AHMAD ZAKI BIN HAJI SYED ABDUL RAHMAN

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| S | Y | D | | M | U | H | D | | A | H | M | A | D | | Z | A | K | I | | B | | H | J |
| S | Y | D | | A | | R | A | H | M | A | N | | | | | | | | | | | | |

4. Jantina

Sila nyatakan jantina anda dengan menggunakan kod seperti berikut:-

| Kod | Jantina |
|---|---|
| L | Lelaki |
| P | Perempuan |

5. Kecacatan

Sila nyatakan sama ada anda cacat (tidak termasuk berkaca mata) atau tidak mengikut kod berikut:-

| Kod | Kecacatan |
|---|---|
| 1 | Tidak |
| 2 | Ya |

Jika anda cacat, nyatakan dengan jelas bentuk kecacatan anda pada ruangan No. 26 di halaman dua.

6. Alamat Pos

Sila isikan alamat anda dengan jelas dan terang supaya anda boleh dihubungi dengan mudah dan segera. Alamat ini akan digunakan oleh UPM untuk berhubung dengan anda serta membuat tawaran jika anda terpilih. Gunakan satu petak bagi setiap huruf/angka dan kosongkan satu petak di antara dua perkataan. Jika alamat anda terlalu panjang, ringkaskan perkataan-perkataan supaya tidak melebihi petak yang disediakan seperti di Appendiks I di muka surat 9

Sila semak kod negeri pada para 8 di bawah.

Sila nyatakan nombor telefon anda yang boleh dihubungi dengan segera.

7. Tarikh Lahir

Jika tarikh lahir anda ialah 21.Jan 1979, sila isikan tempat berikut:-

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | 1 | - | 0 | 1 | - | 1 | 9 | 7 | 9 |

8. Negeri Lahir

Sila nyatakan negeri tempat lahir anda dengan menggunakan kod seperti berikut:-

| Kod | Negeri | Kod | Negeri |
|---|---|---|---|
| 01 | Johor | 12 | Sabah |
| 02 | Kedah | 13 | Sarawak |
| 03 | Kelantan | 14 | Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) |
| 04 | Melaka | 15 | Wilayah Persekutuan (Labuan) |
| 05 | Negeri Sembilan | 16 | Singapura |
| 06 | Pahang | 17 | Brunei |
| 07 | Pulau Pinang | 18 | Indonesia |
| 08 | Perak | 19 | Thailand |
| 09 | Perlis | 20 | Lain-lain |
| 10 | Selangor | 21 | Wilayah Persekutuan (Putrajaya) |
| 11 | Terengganu | | |

9. Taraf Perkahwinan

Sila nyatakan taraf perkahwinan anda mengikut kod berikut:-

| Kod | Taraf Perkahwinan |
|---|---|
| B | Bujang |
| K | Kahwin |
| D | Duda |
| J | Janda |

10. Agama

Sila nyatakan agama anda dengan menggunakan kod berikut:-

| Kod | Agama |
|---|---|
| I | Islam |
| K | Kristian |
| B | Buddha |
| H | Hindu |
| L | Lain-lain |

11. Bangsa

Sila nyatakan bangsa anda dengan berdasarkan kepada keturunan bapa anda mengikut kod-kod berikut:-

| Kod | Bangsa |
|---|---|
| M | Melayu |
| C | Cina |
| I | India |
| H | Bumiputera Sabah |
| K | Bumiputera Sarawak |
| A | Orang Asli Semenanjung |
| L | Lain-lain |

12. Kewarganegaraan

Sila nyatakan kewarganegaraan anda mengikut kod berikut:-

| Kod | Warganegara |
|---|---|
| M | Malaysia |
| P | Penduduk Bermastautin Tetap di Malaysia |
| U | Brunei |
| I | Indonesia |
| S | Singapura |
| L | Lain-lain |

13. Nama Bapa/Penjaga

Sila isikan nama bapa/penjaga mengikut di dalam kad pengenalan di ruangan yang disediakan.

14. Pekerjaan Bapa/Penjaga

Nyatakan pekerjaan bapa/penjaga anda dengan menggunakan kod berikut:-

| Kod | Pekerjaan |
|---|---|
| H | Surirumah |
| K | Kerajaan |
| P | Polis/Pesara Polis |
| S | Sendiri |
| T | Tentera/Pesara Tentera |
| V | Swasta |

D Doktor Pakar Perubatan/Pakar Perubatan Universiti Tempatan



## C. KELAYAKAN AKADEMIK

15. Aliran

Sila nyatakan aliran SPM/Setaraf anda di petak yang disediakan dengan menggunakan kod berikut:-

| Kod | Aliran |
|---|---|
| A | Sastera/Sains Sosial |
| S | Sains |
| T | Teknik |
| V | Vokasional |
| L | Lain-lain |

16. Tahun Peperiksaan

Sila nyatakan tahun peperiksaan SPM/Setaraf anda di petak yang disediakan.

17. Keputusan SPM/Setaraf

Bagi ruangan gred, sila isikan petak-petak berkenaan dengan gred mata pelajaran yang anda perolehi bagi setiap mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan SPM/Setaraf. Sila tuliskan mata pelajaran yang tidak dinyatakan di ruangan kosong yang disediakan.

Kod Mata Pelajaran Sijil Pelajaran Persekolahan (SPM)

| Kod | Mata Pelajaran | Kod | Mata Pelajaran |
|---|---|---|---|
| 01 | Bahasa Melayu | 44 | Menservis dan Membaiki Kenderaan |
| 02 | Bahasa Inggeris | 45 | Lukisan Geometri dan Elektrik |
| 03 | Matematik | 46 | Lukisan Geometri dan Elektronik |
| 04 | Sains | 47 | Lukisan Geometri dan Mesin |
| 05 | Sejarah | 48 | Lukisan Geometri dan Fabrikasi Logam |
| 06 | Pendidikan Islam | 49 | Lukisan Geometri dan Automotif |
| 07 | Pengetahuan Moral | 50 | Lukisan Geometri dan Binaan Bangunan |
| 08 | Fizik | 51 | Lukisan Geometri dan Penyamanan Udara |
| 09 | Kimia | 52 | Asas Perakaunan |
| 10 | Biologi | 53 | Prinsip Perniagaan |
| 11 | Sains Tambahan | 54 | Asas Pemprosesan Maklumat |
| 12 | Pendidikan Seni Lukisan | 55 | Perniagaan dan Keusahawanan |
| 13 | Kesusasteraan Melayu | 56 | Asuhan Kanak-Kanak |
| 14 | Kesusasteraan Inggeris/Kesusasteraan dalam | 57 | Mengasuh dan Membimbing Kanak-Kanak |
| | Bahasa Inggeris | 58 | Pertukangan Kayu dan Pertukangan Logam |
| 15 | Geografi | 59 | Kerja Kayu dan Bata |
| 16 | Matematik Tambahan | 60 | Kerja Penyejukan dan Penyaman Udara |
| 17 | Prinsip Akaun | 61 | Kerja Kimpalan |
| 18 | Perdagangan | 62 | Kejenteraan Ladang |
| 19 | Ekonomi Asas | 63 | Kerja Menggegas dan Memesin |
| 20 | Sains Pertanian | 64 | Pengeluaran Tanaman |
| 21 | Ekonomi Rumah Tangga | 65 | Pengeluaran Ternakan |
| 22 | Lukisan Kejuruteraan | 66 | Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan |
| 23 | Rekacipta | 67 | Persolekan dan Mendandan Rambut |
| 24 | Teknologi Kejuruteraan | 68 | Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian |
| 25 | Pengajian Kejuruteraan Awam | 69 | Membuat Roti dan Patisserie |
| 26 | Pengajian Kejuruteraan Jentera | 70 | Hortikultur Hiasan dan Lanskap |
| 27 | Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik | 71 | Pengurusan Ladang |
| 28 | Tasawwur Islam | 72 | Bahasa Cina |
| 29 | Pendidikan Syariah Islamiah | 73 | Bahasa Tamil |
| 30 | Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah | 74 | Kesusasteraan Cina |
| 31 | Teknololgi Elektrik | 75 | Kesusasteraan Tamil |
| 32 | Teknologi Elektronik | 76 | Bible Knowledge |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 33 | Teknologi Automatif | 77 | Bahasa Perancis |
| 34 | Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara | 78 | Bahasa Arab (Komunikasi) |
| 35 | Teknologi Bengkel Mesin | 79 | Bahasa Arab Tinggi |



| Ko d | Mata Pelajaran | Ko d | Mata Pelajaran |
|---|---|---|---|
| 36 | Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam | 80 | Bahasa Punjabi |
| 37 | Teknologi Binaan Bangunan | 81 | Pendidikan Muzik |
| 38 | Teknologi Katering | 82 | Teknologi Maklumat |
| 39 | Teknologi Seni Kecantikan | 83 | Mata Pelajaran Lain Selain di atas |
| 40 | Teknologi Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian | 84 | Bahasa Melayu (Julai) |
| 41 | Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri | 85 | Matematik (Julai) |
| 42 | Pemasangan dan Kawalan Elektrik | 86 | Sains (Julai) |
| 43 | Menservis Radio dan TV | | |

18. Pendidikan Tinggi

Sila nyatakan Universiti Institusi, nama Ijazah yang diperolehi, tahun kemasukan dan tahun tamat pengajian, pengkhususan dan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) di ruangan yang disediakan

Contoh:

| Nama Universiti/Institusi | Nama Ijazah Diperolehi | Tahun | | Pengkhususan | PNGK |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Kemasukan | Tamat | | |
| Universiti Putra malaysia | Bacelor Reka Bentuk (Senibina) | Mei 2002/2003 | Nov 2004/2005 | Seni Bina | 3.00 |

NOTA : Sila kemukakan salinan sijil/skrol yang berkenaan berserta dengan salinan keputusan peperiksaan setiap semester/penggal (transkrip) yang telah disahkan.

PERHATIAN : Calon adalah kehendaki memenuhkan ruangan 19 hingga 24 dihalaman 2 di bahagian belakang Borang Permohonan masuk ke program Diploma/Bacelor Semester Kedua 2005-2006.

19. Malaysian University English Test (MUET)

Nyatakan sama ada anda telah mengambil MUET / Status MUET anda :

Contoh :

| | | | |
|---|---|---|---|
| YA / Tidak | YA | Band | 3 |

20. Institusi Pengajian Tinggi Awam yang pernah dimasuki

Nyatakan sekiranya anda pernah memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam di ruangan yang disediakan

21. Kelayakan Lain

Jika anda mengemukakan kelayakan lain sebagai kelayakan masuk, nyatakan sijil-sijil berkenaan.

## D. <u>Pengalaman Kerja</u>

22. Pekerjaan Sekarang/Dahulu

(Jika anda pernah bekerja atau sedang bekerja, sila isikan maklumat berikut dan kemukakan surat pengesahan dari majikan)

| Nama/Alamat Majikan Sekarang | Jawatan | Tempoh Berkhidmat | Bidang Kerja |
|---|---|---|---|

| | | Daripada | Kepada | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |



E. MAKLUMAT AKTIVITI KO-KURIKULUM

23. Butir-butir Aktiviti Ko-kurikulum (Sukan/Persatuan/Pertubuhan).
(Buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)*.
*Sertakan salinan sijil yang anda perolehi bagi aktiviti tersebut.

24. Jika anda cacat, nyatakan dengan jelas bentuk kecacatan.

F. PERAKUAN

Tuliskan tarikh dan tandatangani borang permohonan di ruangan yang disediakan setelah anda mengisi semua maklumat di halaman hadapan dan belakang borang berkenaan.

G. PENGESAHAN

a) Borang Permohonan hendaklah disahkan oleh Guru Besar, Guru Kanan Sekolah atau Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional pada ruangan yang disediakan.

b) Semua salinan sijil dan dokumen yang dilampirkan hendaklah disahkan oleh pegawai-pegawai seperti di para (a) di atas.

Tatacara membuat pengesahan:-

(i) Akuan (contoh ayat yang membuktikan perakuan dibuat):-
"DISAHKAN BENAR SEPERTI SALINAN ASAL"

(ii) Tandatangan pegawai yang membuat akuan.

(iii) Cop nama, jawatan dan pejabat pegawai yang membuat akuan.

CALON DIINGATKAN SUPAYA TIDAK MENGHANTAR SIJIL ASAL MEREKA.

H. PANDUAN MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN

Perkara-perkara yang perlu dihantar semasa mengemukakan permohonan adalah seperti berikut:-

(i) Borang Permohonan yang telah lengkap diisi
(ii) Salinan Sijil-Sijil Persekolahan yang telah disahkan seperti SPM/STPM/MUET
(iii) Salinan keputusan peperiksaan (transkrip) Diploma, Bacelor dan Sijil Perguruan
(iv) Salinan Surat Beranak, Kad Pengenalan, Surat Berhenti Sekolah dan Surat-Surat Akuan dan sebagainya.
(v) Bayaran Proses dalam bentuk Wang Pos RM:15.00 (dalam bentuk Wang Pos berpalang atas nama "BENDAHARI UPM".

I. SEBARANG PERTANYAAN / KEMUSYKILAN BERHUBUNG DENGAN PERMOHONAN INI HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KE ALAMAT DI BAWAH :

Pendaftar
Bahagian Akademik
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM SERDANG
Selangor Darul Ehsan

Telefon : 03-89466059/89466060
Fax : 03-89426469

Maklumat-maklumat yang terkandung dalam Buku Panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.



{ Appendiks I }

SINGKATAN ALAMAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| Alor | A. | Ladang | LDG. |
| Avenue | AVE. | Lorong | LRG. |
| Bahagian | BHG. | Mansion | MANS. |
| Balai Polis | B.P. | Mukim | MK |
| Bandar | B. | Padang | PDG. |
| Bangunan (Building) | BGN. | Parit | PT. |
| Batu (Milestone) | BT. | Pejabat | PEJ. |
| Blok | BLK. | Pejabat Pos & Taligeraf | P.P.T. |
| Board | BD. | Pengkalan (Wharf) | PENG. |
| Bukit | BKT. | Permatang | PMTG. |
| Cangkat | CT. | Pulau | PL. |
| Company | CO. | Pusat | PST. |
| Dalam | DLM. | Quarters | QTRS. |
| Dispensary | DISP. | Range | RGE. |
| Estate | EST. | Road | RD. |
| Federal | FEDL. | Rumah Perhentian | R.P. |
| Federation | FED. | Rumah Rehat (Rest House) | R.R. |
| Garden | GDN. | Section | SECT. |
| Genting | GTG. | Sekolah (School) | SEK. |
| Government | GOVT. | Settlement | STT. |
| Gunung | GNG. | Simpang | SPG. |
| Heights | HTS. | Square | SQ. |
| Housing | HSG. | Stesen Kajicuaca (Meteorological Station) | SKC. |
| Jabatan | JABT. | Stesen Kastam | S.K. |
| Jalan | JLN/J | Street | ST. |
| Kawasan | KAW. | Sungai (River) | SG. |
| Kampung | KG | Taman | T. |
| Kebangsaan | KEB. | Tanjung | TG |
| Kementerian | KEM. | Teluk | TK |
| Kuala | K. | Village | VLG. |
| Kubur (Cemetery) | KB. | Wakil Pos (Postal Agency) | W.Pos |